

**RAJA
DAN
RAKYAT
BERPISAH TIADA**



ISI KANDUNGAN

Pendahuluan	04
Raja Berperlembagaan	06
Majlis Raja-Raja	08
Pemilihan Yang di-Pertuan Agong	09
Senarai Yang di-Pertuan Agong	10
Pemecatan	12
Kedudukan	14
Bidang Kuasa	16
Ketua Agama Islam	17
Kuasa Perundangan	18
Parlimen	19
Kuasa Pengampunan	20
Ketenteraan	21
Pentadbiran Dan Pelantikan	22
Melantik Perdana Menteri	24
Pengisytiharan Darurat	26
Sekatan	28
Pakaian Istiadat Yang di-Pertuan Agong	29
Alat-Alat Kebesaran Diraja	32
Hormati Institusi Beraja Kita	35
Penutup	37



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI
AGONG TUNKU HAJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH BINTI
ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ**

PENDAHULUAN

Dalam konteks raja dan rakyat berpisah tiada, raja diibaratkan seperti payung yang memayungi rakyat dari panas terik mentari, manakala rakyat pula adalah lambang kekukuhan dan kesinambungan Institusi Beraja.

Sebagai seorang Raja, Baginda akan memimpin, melindungi dan menjaga kebajikan rakyatnya. Sebagai balasan, rakyat perlu menumpahkan taat setia kepada Raja dan tidak sesekali menderhaka kepada pemerintahnya. Perlembagaan Persekutuan sendiri memperuntukkan satu kewajipan bahawa Raja atau Yang di-Pertuan Agong (yang telah dilantik oleh Majlis Raja-Raja) melindungi kedudukan orang-orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak di samping menjaga kepentingan-kepentingan yang sah bagi kaum-kaum lain.

Baginda berkuasa untuk menentukan serta mengeluarkan perintah kepada Suruhanjaya yang berkenaan atau pihak berkuasa tertentu, supaya diadakan hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, mengikut kadar yang pada pendapat Baginda sesuai dalam perkhidmatan awam dan pemberian biasiswa atau keistimewaan pelajaran dan latihan yang seumpama itu, atau kemudahan-kemudahan khas yang diberi atau ditetapkan oleh kerajaan.



RAJA BERPERLEMBAGAAN



Jawatan Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan oleh Tuanku Abdul Rahman setelah negara mencapai kemerdekaan. Gelaran Yang di-Pertuan Agong diambil bersempena gelaran Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan (yang merupakan Yang di-Pertuan Agong yang pertama). Gelaran jawatan yang sama kemudiannya digunakan untuk Gabenor. Tunku Abdul Rahman yang memutuskan perkara-perkara istiadat Yang di-Pertuan Agong iaitu penggunaan nobat di dalam majlis pertabalan dan penciptaan alat-alat kebesaran diraja.

Institusi Raja Berperlembagaan merupakan institusi tertinggi dalam Perlembagaan Malaysia. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong secara simbolik berperanan sebagai tonggak kepada simbol perpaduan melangkau kaum di negara ini. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dipilih oleh Majlis Raja-Raja menurut kaedah dan cara yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-Peraturan Majlis Raja-Raja.

Kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Ketua Utama Negara, Baginda menjadi lambang kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat melalui undian sulit oleh sembilan orang Raja-Raja Melayu yang memerintah di negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.



MAJLIS RAJA-RAJA

Majlis Raja-Raja ditubuhkan pada tahun 1896 setelah British memutuskan untuk menyatukan beberapa buah negeri menjadi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1 Julai tahun yang sama. Penubuhan ini bertujuan menjalinkan hubungan baik antara Raja-Raja dengan British.

Majlis ini pada asalnya dikenali sebagai 'Durbar' yang diambil daripada perkataan Urdu-Parsi. Durbar memberi maksud 'Persidangan Diraja atau Persidangan Pemerintah Tempatan' dan istilah ini telah digunakan oleh British di India. Mesyuarat Durbar yang pertama telah diadakan di Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak pada 13 Julai 1897. Mesyuarat kali pertama ini amat penting kerana ia menjadi wadah untuk Raja-Raja berkongsi pandangan dan mengutarakan perkara atau isu yang berkaitan dengan rakyat di negeri masing-masing.

PEMILIHAN YANG DIPERTUAN AGONG

Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan susunan sembilan orang Raja-Raja Melayu yang layak dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong bagi suatu tempoh tetap selama lima tahun. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat melalui undian sulit oleh sembilan orang Raja-Raja Melayu.

Apabila seseorang Raja yang dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong menerima tawaran tersebut, maka Majlis Raja-Raja akan mengisytiharkan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja akan memberitahu keputusan pemilihan itu secara bertulis kepada kedua-dua Dewan Parlimen, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Setiap Raja layak menjadi Yang di-Pertuan Agong. Namun begitu, terdapat beberapa keadaan yang boleh menyebabkan seseorang Raja tidak dipilih. Antara sebab-sebabnya ialah:

- ◆ Belum dewasa;
- ◆ Tidak berhasrat untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong;
- ◆ Lain-lain sebab berkaitan dalam tatacara dan urusan pelantikan Yang di-Pertuan Agong.

YANG DIPERTUAN AGONG (1957 - KINI)



1 NEGERI SEMBILAN
(31/8/1957 – 1/4/1960)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad



2 SELANGOR
(14/4/1960 – 1/9/1960)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Hisamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Aladdin Sulaiman Shah



3 PERLIS
(21/9/1960 – 20/9/1965)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Syed Putra Alhaj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail



4 TERENGGANU
(21/9/1965 – 20/9/1970)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin



5 KEDAH
(21/9/1970 – 20/9/1975)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah



6 KELANTAN
(21/9/1975 – 29/3/1979)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim



7 PAHANG
(26/4/1979 – 25/4/1984)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah



8 JOHOR
(26/4/1984 – 25/4/1989)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail



9 PERAK
(26/4/1989 – 25/4/1994)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafurullah-ah



10 NEGERI SEMBILAN
(26/4/1994 – 25/4/1999)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman

YANG DIPERTUAN AGONG (1957 - KINI)



11 SELANGOR
(26/4/1999 – 21/11/2001)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibn Almarhum Sultan Hisamuddin Alan Shah Alhaj



12 PERLIS
(13/12/2001 – 12/12/2006)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibn Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail



13 TERENGGANU
(13/12/2006 – 12/12/2011)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibn Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah



14 KEDAH
(13/12/2011 – 12/12/2016)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Al-Mu'tasimu Billah Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibn Almarhum Sultan Badlishah



15 KELANTAN
(13/12/2016 – 6/1/2019)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V



16 PAHANG
(31 JANUARI 2019 – SEHINGGA KINI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

PEMECATAN

Dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemerintah, Yang di-Pertuan Agong dikehendaki menurut nasihat Jemaah Menteri. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri tidak berkuasa memecat Baginda daripada jawatannya malah, Parlimen juga tidak mempunyai kuasa memecat Baginda.



Kuasa memecat Baginda hanya terletak kepada Majlis Raja-Raja. Perlembagaan memperuntukkan bahawa pemecatan Yang di-Pertuan Agong tidak boleh diluluskan sekiranya tidak mendapat sekurang-kurangnya lima undi dalam kalangan ahli Majlis Raja-Raja.



KEDUDUKAN

Yang di-Pertuan Agong menduduki kedudukan yang paling tinggi dalam negara mengatasi semua orang dalam Persekutuan dan tidak boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah kecuali Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV (Perkara 182 dan 183 Perlembagaan Persekutuan). Raja Permaisuri Agong pula menduduki tangga kedua selepasnya.



Kedudukan berikutnya disandang oleh Raja-Raja Negeri dan Yang di-Pertua keempat-empat negeri iaitu Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Seorang raja dianggap berdaulat dan menjadi tonggak bagi menyatupadukan rakyat, mengamankan dan memakmurkan negeri. Masyarakat Melayu diasuh agar tidak menderhaka kepada raja dan perlu taat dan setia kepada Baginda. Pelbagai cara digunakan untuk mendaulatkan kedudukan raja antaranya adalah melalui penggunaan bahasa, warna, alat kebesaran dan Nobat Diraja.



BIDANG KUASA

Selari dengan kedudukan Baginda sebagai Raja Berperlembagaan, Baginda dikehendaki mengangkat sumpah semasa pelantikan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja di hadapan Ketua Hakim Negara. Dalam kandungan sumpah itu, Baginda berikrar taat setia untuk menjalankan pemerintahan seadilnya di Malaysia dengan mengikut undang-undang dan Perlembagaan yang telah disahkan serta dimasyhurkan di samping berikrar untuk memelihara kesucian agama Islam pada setiap masa dan berdiri teguh atas pemerintahan yang adil dan aman.

Walaupun kuasa pemerintahan terletak di tangan Baginda, namun dalam menjalankan kebanyakan tugas-tugasnya, Baginda dinasihati oleh Jemaah Menteri atau Menteri yang telah diberi kuasa oleh Jemaah Menteri.

Pada hakikatnya, kuasa pentadbiran negara dijalankan oleh Jemaah Menteri (Kabinet) yang diketuai oleh Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Baginda berhak mendapat apa-apa maklumat mengenai pemerintahan negara daripada Jemaah Menteri, lazimnya daripada Perdana Menteri. Selain itu, dalam menjalankan kewajipan, Baginda mempunyai seorang Penasihat Undang-undang, iaitu Peguam Negara. Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa tanggungjawab Peguam Negara ialah memberi nasihat undang-undang kepada Baginda, Jemaah Menteri atau sebarang Menteri.

KETUA AGAMA ISLAM

Agama Islam adalah agama rasmi bagi Persekutuan seperti mana yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam di negeri Baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Ketua Agama Islam di negeri-negeri lain ialah Sultan atau Raja yang memerintah di negeri masing-masing. Namun, apabila sesuatu perbuatan, amalan atau upacara telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya dilanjutkan ke seluruh Persekutuan, maka Raja-Raja lain sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing hendaklah membenarkan Baginda mewakili mereka.

KUASA PERUNDANGAN

Yang di-Pertuan Agong memiliki keistimewaan untuk memperkenalkan atau tidak sesuatu Rang Undang-undang yang telah melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1994 menjelaskan kedudukan Baginda seperti berikut :-

(4) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam masa 30 hari selepas sesuatu Rang Undang-undang dikemukakan kepada Baginda memperkenalkan Rang Undang-undang itu dipaparkan dengan Mohor Besar.

(4A) Jika sesuatu Rang Undang-undang tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang ditentukan dalam Fasal (4), Rang Undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditetapkan dalam Fasal itu mengikut cara yang sama seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.

PARLIMEN

Mengikut Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan, hanya Yang di-Pertuan Agong sahaja boleh memanggil Parlimen untuk bersidang. Baginda hendaklah memanggil Parlimen bersidang dalam tempoh enam bulan daripada tarikh persidangan sebelumnya. Baginda juga mempunyai kuasa mutlak untuk mengheniti dan membubarkan Parlimen. Parlimen hendaklah terus bersidang selama lima tahun dari tarikh pertama persidangan diadakan selepas pilihanraya umum kecuali ianya dibubarkan terlebih dahulu.

Perkara lain yang memerlukan pertimbangan atau persetujuan Baginda ialah membubarkan atau menangguhkan pembubaran Parlimen atas permohonan. Permohonan ini boleh berlaku apabila timbul dua keadaan.

Pertama, apabila parti yang berkuasa memikirkan boleh diadakan Pilihan Raya Umum. Kedua, apabila Perdana Menteri tidak lagi menguasai Parlimen. Apabila Parlimen dibubarkan, satu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari di negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Parlimen hendaklah dipanggil bersidang tidak lewat daripada 120 hari daripada tarikh pembubaran.

KUASA PENGAMPUNAN

Bagi hal-hal jenayah di Wilayah Persekutuan, apabila segala saluran dan cara keadilan telah habis diikhtiarkan, seseorang yang sudah dihukum masih boleh lagi memohon keampunan daripada Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai langkah terakhir. Dalam menjalankan kuasa pengampunan ini, Baginda akan bertindak atas nasihat suatu Lembaga Pengampunan yang terdiri daripada 3 orang ahli yang dilantik oleh Baginda sendiri, Peguam Negara atau wakilnya, dan Menteri yang bertanggungjawab atas Wilayah Persekutuan.

Baginda juga berkuasa mengampunan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

KETENTERAAN

Yang di-Pertuan Agong ialah Pemerintah Tertinggi bagi Angkatan Tentera Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 41. Satu Majlis Angkatan Tentera telah ditubuhkan di bawah Perkara 137 (1) Perlembagaan Persekutuan yang bertanggungjawab di bawah kuasa am Baginda bagi pemerintahan tata tertib dan Pentadbiran Angkatan Tentera serta segala perkara lain yang berhubungan dengan penggunaan Angkatan Tentera bagi maksud operasi.



PENTADBIRAN DAN PELANTIKAN

Perlembagaan memperuntukkan kuasa Yang di-Pertuan Agong adalah tertakluk pada Undang-undang Persekutuan dan Jadual Kedua Perlembagaan. Kuasa pentadbiran negara boleh dijalankan oleh Baginda atau Jemaah Menteri atau salah seorang Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri. Parlimen boleh memberi kuasa pentadbiran kepada orang-orang lain.

Baginda hendaklah dengan nasihat Perdana Menteri melantik Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Bagaimanapun, kedua-dua lantikan ini boleh dibatalkan oleh Baginda atas nasihat Perdana Menteri.



Sebelum Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri menjalankan tugas, mereka hendaklah mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Baginda.

Baginda juga melantik Peguam Negara, Ketua Audit Negara dan Panglima Angkatan Tentera. Pelantikan bagi jawatan-jawatan ini dilakukan mengikut lunas-lunas yang ditentukan oleh Perlembagaan. Jawatan-jawatan lain yang dilantik oleh Baginda atas nasihat termasuklah Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, Ahli-ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Bersenjata dan lain-lain. Selain itu, Baginda juga boleh menetapkan beberapa jawatan sebagai jawatan-jawatan khas termasuklah Ketua-ketua Jabatan dan Timbalan Ketua-ketua Jabatan atas sokongan Suruhanjaya yang berkenaan.



MELANTIK PERDANA MENTERI

Menurut Perlembagaan, sebelum melantik Jemaah Menteri, Baginda hendaklah terlebih dahulu melantik seorang Ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri untuk mengetuai Jemaah itu. Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menjadi Perdana Menteri ialah orang yang pada budi bicara Baginda akan mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan. Biasanya, orang yang dilantik ialah pemimpin atau ketua sesuatu parti politik atau persekutuan (gabungan) parti-parti politik yang mendapat kelebihan kerusi dalam Dewan Rakyat.

Jika kebetulan tidak ada satu parti politik pun yang mempunyai kelebihan besar jumlah kerusi dalam Dewan Rakyat yang memungkinkan berlakunya pembentukan kerajaan campuran, maka terletak kepada kebijaksanaan Baginda untuk memilih Perdana Menteri yang boleh mengendalikan Jemaah Menteri kerajaan campuran itu serta mendapat sokongan besar daripada Dewan Rakyat.



PENGISYTIHARAN DARURAT

Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat atas nasihat Perdana Menteri. Pengisytiharan darurat dibuat setelah Baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan dan ekonomi negara.

Malaya Daru

Rakyat Malaysia harus harga

■ Oleh Mejar (B) Ramli Abdul Rahim

KERAJAAN British mengisytiharkan Darurat di Tanah Melayu pada 16 Jun 1948 berikutan pembunuhan tiga pengurus estet berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak oleh penganas komunis dan tempoh darurat itu berlangsung selama 12 tahun iaitu antara 1948

Australia (RAAF) bagi menghapuskan anasir komunis.

Pelbagai langkah diambil pihak berkuasa sepanjang tempoh darurat itu termasuk operasi 'Gerak Perang Saraf' (Psychological Warfare) yang mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu 'memenangi hati dan minda rakyat' (Hearts and Minds) dan 'melemahkan segala usaha yang dilaksanakan musuh'.
Kematian Pesuruhjaya

mendapati suami m
terkorban dan mer
terus bertempur b
anggota lain sein
kehabisan peluru

Ketika awal o
1948, Min Yuen
Rakyat) yang di
PKM menyoko
rontakan yang
komunis dan s
besarnya dian
Cina dan tuju
untuk memb
mat dan mer
makanan se
kepada kon

Jika Parlimen tidak bersidang bila pengisytiharan itu diperbuat, maka Baginda hendaklah memanggil Parlimen supaya bersidang secepat mungkin. Sementara menunggu dua Dewan bersidang, Baginda boleh menyiarkan Ordinan yang berkuasa undang-undang jika Baginda berpuas hati tindakan segera perlu dilakukan.

urat 1948-1950

gai pengorbanan generasi silam

ami mereka
n mereka
apur bersama
sehingga
eluru.
awal darurat
Yuen (Gerakan
ang ditubuhkan
nyokong pembe-
yang dilakukan
dan sebahagian
a dianggotai orang
n tujuannya adalah
memberi maklu-
n membekalkan
an serta ubat-ubatan



SEKATAN

Sungguhpun kuasa Yang di-Pertuan Agong itu luas, tetapi ada sekatan yang dikenakan ke atas kuasa Baginda. Antara sekatan-sekatan itu ialah:-

- ◆ Menjalankan tugas Raja di negerinya, kecuali tugas sebagai Ketua Agama Islam;
- ◆ Memegang jawatan yang ada bayaran sara baginya;
- ◆ Mengambil bahagian dalam apa-apa perniagaan;
- ◆ Menerima apa jenis bayaran yang boleh dibayar atau yang berhak kepadanya sebagai Raja di negerinya; dan
- ◆ Dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja, meninggalkan Persekutuan lebih daripada 15 hari, kecuali atas urusan negara ke suatu negeri lain.

**PAKAIAN ISTIADAT
YANG DIPERTUAN AGONG**



MUSKAT

MESS KIT





**TENGGOLOK
DIRAJA**

**PENDING
DIRAJA**



**GENDIK
DIRAJA**



**KERIS PENDEK
DIRAJA**



**KALUNG
DIRAJA**

**ALAT-ALAT
KEBESARAN DIRAJA**



**KERIS PANJANG
DIRAJA**



COGAN AGAMA




COGAN ALAM



COKMAR



**PEDANG, KERIS PANJANG
DAN SUNDANG DIRAJA**



**PAYUNG UBUR-UBUR
KUNING**



**TOMBAK
BERAMBU**

HORMATI INSTITUSI BERAJA KITA

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di mana Raja Berperlembagaan menjadi payung kepada sistem pemerintahan negara. Sebagai rakyat Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memartabatkan institusi beraja kerana ia adalah lambang kedaulatan negara. Rakyat Malaysia pelbagai kaum mesti menghormati dan mempertahankan kedudukan institusi beraja di negara ini kerana prinsip kesultanan sudah berakar umbi di Nusantara sejak bertahun-tahun lamanya.

Institusi Beraja merupakan payung yang menjadi naungan rakyat, melangkaui semua agama, bangsa, bahasa, budaya, fahaman politik dan sebagainya. Raja dan rakyat tidak boleh dipisahkan. Raja umpama akar dan rakyat itu adalah pohonnya. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara merupakan prinsip kedua dalam Rukun Negara yang perlu difahami dan dihayati dengan sepenuh hati.



Istiadat Melafaz dan Menandatangani Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong XVI pada Mesyuarat Majlis Raja-raja ke-252 (Khas) di Balairung Seri, Istana Negara pada 31 Januari 2019.

PENUTUP

Setiap warganegara hendaklah menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Amalan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dalam Perlembagaan Malaysia telah meletakkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara Malaysia.

Justeru itu, menjadi tanggungjawab setiap warganegara Malaysia untuk taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. Manakala, di peringkat negeri pula, rakyat dikehendaki menumpukan taat setia kepada Raja atau Sultan yang memerintah negeri tempat mereka bermastautin tersebut tanpa mengurangkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong.

Malaysia adalah antara negara di dunia yang masih mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Ia merupakan warisan sistem politik yang masih kekal sehingga ke hari ini. Institusi Beraja di Malaysia merupakan satu institusi tradisional yang sedia ada sebagai teras sistem pemerintah dan pentadbiran sesebuah kerajaan Melayu yang telah muncul berabad-abad lamanya.

BIBLIOGRAFI :

Raja Berpelembagaan : Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V 2017. Putrajaya : Jabatan Penerangan Malaysia.

Istiadat Pertabalan : Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. 2019. Putrajaya : Jabatan Penerangan Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan 2002. Kuala Lumpur:
International Law Book Services.

LAMAN WEB :

www.istananegara.gov.my/

<https://www.parlimen.gov.my/>

www.majlisraja-raja.gov.my/

www.istiadat.gov.my

<http://www.mais.gov.my/info-mais/informasi/penerbitan/kepentingan-mendaualatkan-institusi-beraja-di-malaysia>

Penyelaras:

SITI NOR KHALILAH BT ABDULLAH HALIM




Diterbitkan oleh :

**Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Laman Web : www.penerangan.gov.my
E-mel : webmaster@inform.gov.my

B.022 (B.M) SEPT 2019 (050.)





**BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA MENDUKUNG
CITA-CITA HENDAK:**

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut :-

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**